

DPMM

bidas

dua bank

BH 19 MAR 2000

Oleh HABSAB DININ
dan HAZIRAH CHE SAB

KUALA LUMPUR: Ketika Bumiputra Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Islam cuba menjelaskan kedudukan berhubung tindakan pegawai mereka mendedahkan rahsia pelanggan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyifatkan perbuatan itu "jelas melanggar nilai dan prinsip amanah hubungan antara pelanggan dan bank."

BCB dalam satu kenyataan kepada *Berita Minggu*, mengakui dakwaan itu amat serius dan tindakan berat akan dikenakan terhadap mereka yang bersalah kerana menjejaskan imej bank.

"BCB ingin memaklumkan kepada pelanggan, rahsia kewangan dilindungi Akta Institut Perbankan dan Kewangan (Banking and Financial Institutions Act) (Bafia).

"Pekerja kami perlu mematuhi kod etika seperti yang termaktub dalam Garis Panduan 7 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia termasuk perkara per-

bandingan faedah, penyalahgunaan kedudukan, keikhlasan dalam penyimpanan dan pengurusan, kerahsiaan serta keadilan dan kesamarataan perkhidmatan," kata kenyataan itu.

BCB berjanji akan menyiasat aduan mengenai penyalahgunaan kedudukan oleh pekerjanya.

Menurut kenyataan itu, bank sentiasa mematuhi undang-undang melindungi rahsia pelanggan dan memandang serius dakwaan itu.

Ketika dihubungi, Pembantu Khas kepada Pengarah Urusan Bank Islam, Firdaus Sofian, pula berkata sekalipun ada pekerja Bank Islam menjadi penyokong kuat pembangkang, jumlahnya hanya segelintir.

Menurutnya, Bank Islam yakin kakitangannya di cawangan Melaka itu 'bersih' dan bukan penyokong kuat pembangkang.

LIHAT MUKA 2

DPMM bidas dua bank

BH 19 MAR 2000

DARI MUKA 1

Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Ahmad Tajuddin Abd Rahman tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Beliau dijangka menemui Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam seawal-awalnya esok bagi membincangkan perkara itu dengan teliti.

Kelmarin, Kerajaan Melaka menamakan BCB dan Bank Islam sebagai bank yang pekerjanya penyokong kuat pembangkang.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri dan agensinya, Perbadanan Ayer Melaka (PAM) akan ber-

tindak mengeluarkan wang simpanan tetapan berjumlah RM45 juta dalam kedua-dua bank itu, mulai April ini.

PAM mempunyai simpanan RM28 juta manakala kerajaan negeri RM6 juta dalam BCB. Dalam Bank Islam pula, kerajaan negeri mempunyai simpanan RM6 juta dan PAM RM5 juta.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata pengurusan bank 'sedikit sebanvak' perlu bertanggungjawab terhadap tindakan pekerja mereka membocorkan urusan pelanggan dan kerajaan kepada umum.

Khamis lalu, Dr Maha-

thir dilaporkan berkata Kerajaan Pusat mungkin mengambil tindakan mengeluarkan simpanan daripada bank berkenaan, sama seperti dilakukan kerajaan Negeri Melaka.

Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) turut meminta pengurusan bank yang terbabit supaya menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah.

Sementara itu, Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli, dalam satu kenyataan meminta kerajaan dan pengurusan bank mengambil tindakan 'sekeras-kerasnya' terhadap pegawai bank yang membocorkan urusan pelang-

gan dan kerajaan kepada umum.

"Pegawai-pegawai yang terbabit harus dikenakan hukuman seberat-beratnya," katanya.

Beliau berkata DPMM memandang berat kegiatan beberapa kakitangan bank yang membocorkan rahsia pelanggan mereka.

"Kegiatan demikian amat mengerewakan kerana kerahsiaan urusan antara pelanggan dan bank tidak lagi dihormati," katanya.

Tajudin berkata perbuatan pegawai dan kakitangan bank itu "jelas melanggar nilai dan prinsip amanah hubungan antara pelanggan dan bank."

"Amanah adalah prin-

sip utama yang melandasi sistem perbankan - dari zaman awal merkantilisme yang berpusat di Venice sehinggalah sekarang. Jika amanah dicabuli, sistem perbankan akan runtuh kerana hilangnya keyakinan pelanggan terhadapnya," katanya.

Katanya, apa yang lebih mengecewakan kegiatan pembocoran rahsia itu berlaku di bank yang berunsurkan Islam dan sudah tentu pegawai yang melakukannya beragama Islam.

"Di manakah letaknya maruah kakitangan berkenaan kerana mereka men-cabuli amanah yang dibekalkan kepada mereka?" tanya beliau.